

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 4/1967**

=====

**PERWAKILAN KUASA KEPADA Y.A.B. MENTERI BESAR, SELANGOR
BERKAITAN PERMOHONAN GALIAN YANG TERTENTU DI BAWAH
ENAKMEN GALIAN BAB 147**

Pemungut Hasil Tanah adalah dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor di mesyuaratnya pada 30hb. Ogos 1967 telah mewakili kuasa kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor menolak terus permohonan-permohonan tertentu yang telah diterima di bawah Enakmen Galian (Bab 147) yang berkaitan dengan jenis-jenis yang berikut tanpa dikemukakan kepada Raja di dalam Majlis Kerajaan Negeri untuk ditimbang:-

- (i) Permohonan-permohonan Lesen/Kebenaran Carigali atau Pajakan Galian atas kawasan yang telah diluluskan atau dikhaskan untuk rancangan kemajuan tanah, tambahan kepada kampung, rancangan perumahan harga rendah atau pun untuk kegunaan am;
- (ii) Permohonan-permohonan Lesen/Kebenaran Carigali atau Pajakan Galian atas kawasan yang tidak kosong kerana permohonan-permohonan terdahulu yang telah diluluskan untuk pengeluaran Pajakan ataupun yang ada berpegang dengan Lesen/Kebenaran Carigali yang masih hidup pada masa penerimaan permohonan-permohonan itu; dan
- (iii) Permohonan-permohonan Lesen/Kebenaran Carigali atau pajakan Galian atas kawasan yang telah ditolak oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atas nasihat jabatan-jabatan teknikal.

T.T
(JOHAN BIN MOHD. YASSIN)
PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR.

PTG.Sel.675 (24)

Kuala Lumpur
3hb Oktober 1967

*** PEKELILING DIBATALKAN DENGAN PEKELILING BIL.1/1969**